

12 OCT 2003

OIC-Qari

QARI 10 TAHUN PERDENGARKAN BACAAN AL-QURAN PADA SIDANG KEMUNCAK OIC

Oleh Rosyatimah Tukimin

PUTRAJAYA, 12 Okt (Bernama) -- Mohd Anas Haji Razali, 10, mempunyai sebab untuk berasa amat gembira di sebalik tanggungjawab berat yang diamanahkan kepadanya.

Anas, yang terpilih untuk memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran pada pembukaan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10, berbangga kerana turut dapat menjayakan persidangan yang penting itu di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini.

"Saya amat gembira kerana dijemput membaca al-Quran di hadapan jemputan antarabangsa dan berharap dapat melakukan yang terbaik," kata pelajar Tahun Empat Sekolah Kebangsaan 1 Tapah di Perak.

"Saya dibawa melawat sekitar PCC semalam dan berasa amat gembira kerana menjadi antara mereka yang pertama melawat bangunan yang amat mengagumkan ini," katanya dalam satu temubual dengan Bernama di hotel penginapannya di sini.

Seorang pegawai di Sekretariat OIC berkata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar mengilhamkan agar seorang qari yang masih muda dipilih bagi memperdengarkan bacaan al-Quran pada salah satu majlis perasmian sidang kemuncak dengan pemilihannya dilakukan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Anas, iaitu johan kebangsaan Tilawah al-Quran peringkat sekolah merupakan pilihan yang tepat dan usianya pula bertepatan dengan sidang kemuncak OIC yang diadakan bagi kali ke-10.

Pegawai itu berkata langkah mengetengahkan seorang qari muda akan menggambarkan usaha-usaha OIC dalam menggalakkan pengetahuan di kalangan 57 negara anggotanya.

Ia juga sejajar dengan tema Sidang Kemuncak ke-10 iaitu "Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah."

Dibimbing membaca al-Quran sejak berumur lima tahun oleh bapanya, Haji Razali Hasan, 45, Anas telah memenangi beberapa Tilawah al-Quran sebelum ini.

Anak kelima daripada 13 beradik, pelajar itu pernah memperdengarkan bacaan al-Quran pada Persidangan Antarabangsa Belia-belia Islam di Kuala Lumpur bulan lepas selain Persidangan Wanita Islam Antarabangsa yang diadakan di Bangi.

Sementara Anas menunggu hari esok dengan penuh debaran, bapanya pula memantau pemakanannya.

"Semasa kami di sini, dia tidak boleh minum ais, tidak boleh makan makanan yang berempah dan berminyak selama beberapa hari bagi memastikan persembahan yang lancar, InshaAllah," kata Razali, seorang kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Teluk Intan, Perak.

Sidang Kemuncak itu bermula semalam dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) yang meluluskan agenda bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Luar selama dua hari yang bermula esok.

Pemimpin-pemimpin OIC akan bertemu pada Khamis dan Jumaat dengan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

RT AZZ ROS